

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG]
TARIKH : 7 MAC 2018

SOALAN :

YB Dato' Seri Haji Abdul Hadi Bin Awang [Marang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah jaminan Kerajaan untuk memastikan undang- undang berkaitan berita palsu tidak disalah gunakan sepertimana ISA dan siapakah wakil Ahli Parlimen pembangkang yang terlibat dalam proses perundingan bersama pihak berkepentingan lain.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mana-mana undang-undang yang digubal oleh Kerajaan dan diluluskan oleh Parlimen adalah berdasarkan kepada tujuan-tujuan tertentu dan/atau dasar Kerajaan sebagaimana dinyatakan dalam huraian sesuatu Rang Undang-Undang itu. Oleh yang demikian, penggubalan undang-undang berhubungan dengan berita tidak benar juga merupakan salah satu usaha Kerajaan untuk menangani kesalahan-kesalahan yang berhubungan dengan penyebaran berita tidak benar dengan niat jahat dan perkara-perkara lain yang berkaitan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, isu penyebaran berita tidak benar merupakan masalah yang dihadapi secara global ekoran revolusi teknologi komunikasi yang berkembang dengan pesat dan pantas. Sejak kebelakangan ini, Malaysia sentiasa berhadapan dengan pelbagai cabaran kesan daripada penyebaran berita tidak benar yang bukan sahaja mengelirukan, malah memberi ancaman terhadap keselamatan, kemakmuran dan kesejahteraan rakyat dan negara.

Pada 17 Januari 2018, Kerajaan telah bersetuju untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Khas Berkaitan Dengan Isu Penyebaran Berita Tidak Benar (Jawatankuasa Khas) untuk mengkaji keperluan menilai semula undang-undang sedia ada berkaitan dengan isu penyebaran berita tidak benar bagi

menentukan tindakan penguatkuasaan yang lebih berkesan sesuai dengan perubahan teknologi maklumat.

Beberapa mesyuarat Jawatankuasa Khas telah diadakan yang dihadiri oleh wakil agensi-agensi Kerajaan berkaitan termasuk Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Jabatan Peguam Negara, Majlis Keselamatan Negara, Polis Diraja Malaysia, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia serta juga beberapa ahli akademik.

Pada 29 Januari 2018, Kerajaan juga telah bersetuju agar keahlian Jawatankuasa ini diperluaskan kepada ahli-ahli akademik daripada institusi pendidikan tinggi, beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) termasuk SUHAKAM dan Majlis Peguam Malaysia serta wakil-wakil rakyat dari kedua-dua belah pihak bagi memastikan inisiatif Kerajaan ini mendapat semua pandangan yang sewajarnya. Sehubungan dengan itu, bagi Mesyuarat Jawatankuasa yang diadakan pada 13 Februari 2018, jemputan juga telah dikemukakan kepada antara lain, beberapa wakil-wakil rakyat untuk memberi pandangan dan cadangan terhadap isu berkenaan penyebaran berita tidak benar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Khas akan terus mengadakan perbincangan dan konsultasi yang berterusan dengan semua pihak-pihak berkepentingan termasuk wakil-wakil rakyat dalam memuktamadkan cadangan Rang Undang-Undang ini.

Sekian, terima kasih.